



## SIARAN MEDIA

### **LEBIH 1000 PELUANG PEKERJAAN DITAWARKAN SEMPENA KARNIVAL KERJAYA WANITA KELANTAN**

**KOTA BHARU**, 30 Mac – Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini telah mewujudkan kerjasama strategik bersama 15 syarikat swasta sempena Karnival Kerjaya Wanita Kelantan.

Kerjasama strategik adalah bertujuan untuk memperkasa penglibatan wanita dan kumpulan sasar seperti warga emas, B40 dan Orang Kurang Upaya dengan hasrat untuk meningkatkan sosio-ekonomi yang terjejas akibat pandemik Covid19. Karnival ini juga bakal menawarkan lebih 1000 peluang pekerjaan kepada wanita di Kelantan.

“Ini merupakan usaha berterusan Kerajaan untuk memperkasakan golongan wanita dalam aspek sosio-ekonomi dan menyokong tema sambutan Hari Wanita 2021 iaitu “Wanita Bangkit Mendepani Cabaran”. Diharapkan dengan adanya kerjasama ini, golongan yang terjejas akibat pandemik Covid-19 khususnya wanita dapat dibantu melalui padanan pekerjaan yang sesuai dan secara tidak langsung dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara” ujar YB Dato’ Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di perasmian penutup Karnival Kerjaya Wanita Kelantan.

Karnival Kerjaya Wanita diadakan bersempena dengan sambutan Hari Sayyidatina Khadijah pada 29 hingga 30 Mac 2021 merupakan sebahagian daripada pengisian **Program Santuni Wanita dan Keluarga** yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) bertujuan untuk membina satu platform yang dapat menghubungkan kumpulan sasar Wanita dan Keluarga yang terjejas berikutan pandemik Covid19, dengan peluang pekerjaan dan penjana pendapatan yang disediakan oleh Kementerian, Agensi Kerajaan dan pihak-pihak yang berkaitan.

Antara syarikat dan majikan yang terlibat dalam karnival ini ialah Ikhlas Tijarah Sinergi Associate PLT (Iktisas), Pink Mop Cleaning Services, CodChef, Kelantan ICT Gateway, Kayangan Property, Odamakan, Mydin, Factory Mobile, Ko-Ummah, FnD Consultancy, Aeon Co (M) Bhd, ShalisCare Nursing & Services Sdn Bhd, Shin-Etsu Polymer (M) Sdn Bhd, RHB Asset Management Sdn Bhd dan McDonald's Malaysia.

Turut hadir bersama dalam program berkenaan, YB Dato' Hajah Mumtaz Binti Md Nawawi, EXCO Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita dan Dr Zurina binti Abdul Hamid, Ketua Pengarah JPW.

###

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**  
**Jabatan Pembangunan Wanita**  
No. 55, Persiaran Perdana  
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon :

Tarikh dikeluarkan : 30 Mac 2021